



“GURU: MURABBI UMMAH”
(12 Mei 2016 / 15 Sya’ban 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ﴿يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا
يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ أَنْشُرُوا فَأَنْشُرُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ
دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ﴾ سورة المجادلة: ١١
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah hari ini akan membicarakan tajuk: **“Guru: Murabbi Ummah”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Guru merupakan insan mulia yang gigih dan tabah menyalakan obor keikhlasan untuk menerangi dunia pendidikan sejagat. Namun, kadangkala keperibadian guru ini disalahtafsir dan direndahkan martabatnya oleh segelintir masyarakat. Realitinya, dunia pendidikan hari ini dipenuhi dengan pelbagai cabaran untuk

seorang yang bergelar guru. Selain berhadapan dengan cabaran menyampaikan secebis ilmu, guru juga perlu berhadapan dengan sahsiah, pemikiran dan kebolehan murid yang unik dalam kecanggihan dunia digital hari ini.

Dalam konteks ini, guru terpaksa menyemai sifat sabar yang tinggi di samping mempelbagaikan karakter yang terbaik dalam mendidik pelajarannya menerusi watak **5M** iaitu *Mu'allim, Murabbi, Muaddib, Mursyid* dan *Mudarris*. Sifat sebagai Murabbi umpamanya, menuntut seseorang guru itu bukan sekadar mengajarkan sesuatu ilmu tetapi dalam masa yang sama mendidik rohani, jasmani, fizikal dan mental pelajar untuk dihayati dalam kehidupan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 151:

﴿ كَمَا أَرْسَلْنَا فِيكُمْ رَسُولًا مِّنكُمْ يَتْلُوا عَلَيْكُمْ ءَايَاتِنَا وَيُزَكِّيكُمْ وَيُعَلِّمُكُمُ
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُعَلِّمُكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ ﴾

Maksudnya: “(Ni'mat berkiblatkan Ka'bah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (ni'mat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan **membersihkan kamu** (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang **mengajarkan** kamu kandungan Kitab (Al-Qur'an) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui.”

Menurut Ibnu Kathir, perkataan “membersihkan kamu” itu merupakan penghayatan sesuatu ilmu yang membentuk keperibadian, sikap dan tabiat anak didiknya. Mendidik bukan sekadar mengajarkan ilmu secara konvensional tetapi lebih penting menjelmakan watak *murabbi* yang mampu menyemai nilai adab dan menjelmakan akhlak mulia untuk diteladani.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dengan memahami konsep ini, seorang murabbi perlu memperbaiki, memimpin dan mentadbir pelajar secara kasih sayang bukan dengan bengis dan kasar. Pendidikan dan penyebaran ilmu memerlukan sikap lembut dan hikmah sepertimana Allah SWT menyeru Nabi Musa dan Nabi Harun Alaihimassalam

yang berdakwah kepada Firaun secara lemah-lembut. Firman Allah SWT dalam Surah Taha ayat 43-44:

﴿ اذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ ﴿٤٣﴾ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ ﴿٤٤﴾ ﴾

Maksudnya: “Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang **lemah lembut**, semoga ia beringat atau takut.”

Dalam memaknai sikap *Murabbi* ini, dapat dikatakan bahawa tugas guru bukan hanya mengembangkan potensi bahkan turut membangunkan rohaniah dan akhlak pelajar mereka. Oleh itu, selain ibu bapa, *Murabbi* juga tidak terlepas daripada menjadi model di kalangan pelajar. Sudah pasti limpahan ilmu, kelembutan dan keikhlasan *Murabbi* menjadi pembakar semangat pelajar untuk berjaya di masa hadapan.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Guru memiliki peranan dan fungsi yang sangat penting dalam membangunkan peradaban dan kemajuan sesebuah negara dan bangsa. Memang tidak dapat dinafikan, tangan para guru mampu mengembalikan sinar masa hadapan bangsa yang baharu. Dalam *Tafsir Ruhul Ma'ani* menerangkan antara wasiat Lukman Al-Hakim kepada anak-anaknya adalah supaya menghormati guru dengan merapati mereka agar keberkatan ilmunya menghidupkan hati dengan *nur* (cahaya) hikmah sebagaimana Allah SWT menghidupkan bumi dengan hujan. Bukankah Allah SWT meninggikan darjat orang yang berilmu sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Mujadalaah ayat 11:

﴿ يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ ۗ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴾

Maksudnya: “supaya Allah meninggikan orang yang beriman di antara kamu, dan juga orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) beberapa darjat. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.”

Walau bagaimanapun, seiring dengan cabaran hari ini, peranan guru perlu disokong oleh pelbagai institusi lain yang turut mempunyai sumbangan besar dalam soal pendidikan seperti keluarga, sosial, dan media. Ini bagi memastikan matlamat membina negara bangsa serta mendidik generasi ini benar-benar tercapai. Mimbar yakin, permuafakatan seluruh institusi ini mengukuhkan lagi matlamat yang dihasratkan. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Maidah ayat 2:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۖ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ۗ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).”

Untuk itu, antara langkah penting dalam proses jalinan permuafakatan ini adalah menggunakan saluran Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Mimbar yakin, hubungan yang mantap dan akrab dengan pihak sekolah dapat memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjaya dilaksanakan malah memberi impak positif kepada guru, murid, ibu bapa dan institusi pendidikan di negara ini.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sempena sambutan Hari Guru tahun ini, mimbar ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga pendidik yang telah banyak mengorbankan jiwa dan raga demi sebuah negara bangsa yang cemerlang. Semoga Allah SWT terus mengurniakan para guru dengan ketabahan, kesihatan dan kejayaan.

Begitu juga, mimbar ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk sama-sama menghadiri dan menghayati bacaan al-Quran sempena Majlis Tilawah al-Qur'an Peringkat Antarabangsa kali ke 59 mulai 15 hingga 20 Mei 2017 di PWTC. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat, insyallah. Mengakhiri khutbah

pada hari ini, khatib ingin menyeru sidang Jumaat sekalian untuk sama-sama menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan iaitu:

Pertama: Guru memiliki peranan dan fungsi yang sangat penting dalam membangunkan peradaban dan kemajuan sesebuah negara dan bangsa.

Kedua: Guru perlu sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam proses menyebarkan ilmu kepada pelajar.

Ketiga: Semua pihak termasuk guru, ibu bapa dan masyarakat perlu berganding bahu dalam memartabatkan pendidikan demi membina sebuah negara bangsa yang berkualiti.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ فَأَتَمَّهُنَّ ۗ قَالَ إِنِّي جَاعِلُكَ
لِلنَّاسِ إِمَامًا ۗ قَالَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِي ۗ قَالَ لَا يَنَالُ عَهْدِي الظَّالِمِينَ ﴿

Maksudnya: “Dan (ingatlah), ketika Nabi Ibrahim diuji oleh Tuhannya dengan beberapa Kalimah (suruhan dan larangan), maka Nabi Ibrahim pun menyempurnakannya. (Setelah itu) Allah berfirman: "Sesungguhnya Aku melantikmu menjadi imam (pemimpin ikutan) bagi umat manusia". Nabi Ibrahim pun memohon dengan berkata: "(Ya Tuhanku!) Jadikanlah juga (apalah jua kiranya) dari keturunanku (pemimpin-pemimpin ikutan)". Allah berfirman: "(Permohonanmu diterima, tetapi) janjiKu ini tidak akan didapati oleh orang-orang yang zalim” (Surah Al-Baqarah:124)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغُفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وانتهوا عما نهاكم عنه وحذر. واعلموا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَمَنْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَيَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَيَّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ اَنْصُرْ سُلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دفرتوان اکوځ کلیا بلس
سلطان محمد کلیا وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ

أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا. وَارزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا
جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
﴿ رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.